



Card Protection Premier Membership Terms and Conditions

Important Notice

Card Protection Premier Membership Terms and Conditions (the "Terms and Conditions") is an important document. Please read the whole Terms and Conditions carefully to ensure that You fully understand and accept it.

You must disclose to Us, fully and faithfully, the facts You know or ought to know, otherwise You may not receive any benefit from Your Membership. The Membership is non-transferable.

The Terms and Conditions (including its amendments) and any Endorsements thereon together with any application shall be considered one document and any word or expression to which a specific meaning has been attached in any of them shall bear such meaning throughout.

Definition of Words

Specific meanings of defined terms used throughout the Terms and Conditions. Certain words have been defined below. These have the same meaning wherever they are used in the Terms and Conditions.

Abroad - means a country or territory other than Malaysia

Card - means Your ATM card(s), credit card(s), charge card(s), and debit card(s) excluding Stored Value Cards (as defined below) registered with CPP before or at the time You report a Card Loss

Card Loss - means any loss by You or theft from You of a Card during the Term of Membership

Claim - means a request for any of the membership privileges made by a Member under this Membership upon Card Loss

Communication Costs - means the cost of a phone call, fax or letter

CPP - means Card Protection Plan Limited (Registered in England No. 1490503) whose registered office is at Holgate Park, York YO26 4GA, United Kingdom trading in Malaysia as Card Protection Plan Limited with its registered office address at 3-2, 3rd Mile Square, No. 151 Jalan Kelang Lama, Batu 3½, 58100, Kuala Lumpur (Registered in Malaysia No: 995015 K)

Home - means the place in Malaysia where You live and the address of which You have been registered with Us before making any request

Insurer - means MPI Generali Insurans Berhad (formerly known as Multi-Purpose Insurans Bhd) (Company No.14730-X), a company incorporated in Malaysia with its registered office at 8th Floor, Menara Multi-Purpose Capital Square, 8, Jalan Munshi Abdullah, 50100 Kuala Lumpur.

Issuer - means the issuer(s) of the relevant Card

Members - means the Principal Member and the Supplementary Members

Membership - means the membership of the Card Protection Premier

Membership Fee - means the total amount payable by the Principal Member to CPP for the Membership

Membership Year - means a continuous period of 12 months commencing on either the Start Date or any Renewal Date but not including any period after cancellation of the Membership in accordance with Section B3 herein

Pay Card - means the Card designated by the Principal Member from which We will collect the Membership Fee

Personal Belongings - means the Member's handbag, wallet, purse or briefcase in which he or she kept the Cards at the time of the Card Loss

Principal Member - means the person responsible for this Membership

Renewal Date - means the year anniversary of the Start Date

Start Date - means the date on which the Membership commences

Stored Value Card - means any card where a cash credit is stored and is automatically debited through a contactless card reader

Supplementary Member - means the person(s) nominated by the Principal Member as a Member in accordance with the Terms and Conditions

Term of Membership - means the period of Membership starting on the Start Date and ending at the cancellation of Membership in accordance with Section B3 herein

Terms and Conditions - means the Terms and Conditions governing the Membership set out herein, as amended from time to time

Valuable Documents - means Your passport, driving licence, identity card or any other card issued by the governmental authority of Malaysia

We, Us, Our - means CPP

You, Your - means the Member(s)

A: Membership Privileges

Subject to the Terms and Conditions, We will provide You with the following membership privileges:

A1. Services and assistance that We will provide to You if You lose Your Card and Valuable Documents:

- A1.1 when You report a Card Loss to Us, We will contact the Issuer and ask them to cancel the Card;
- A1.2 if any of Your credit cards and/or Valuable Documents that are with You are lost or stolen while You are away from Home, We will assist You to arrange for emergency replacement; and
- A1.3 when You supply Us with the necessary information, We will update Your details to make sure that Card Loss is reported to the correct issuer.

Please note that in certain circumstances more fully described in the Issuer's terms and conditions the Issuer may require the submission of various documents before the Card can be cancelled. In those circumstances We shall ask the Issuer to suspend the Card from use pending receipt by the Issuer from You of the required documentation. In the event of that documentation not being provided We reserve the right to recover from You any benefit that You have received under these terms and conditions.

A2. Assistance if You suffer a Card Loss when travelling Abroad

Depending on Your need and subject to the provisions of the following section A.3, We will assist You if You suffer a Card Loss whilst Abroad by:

- A2.1 paying Your hotel bill direct to the hotel by advancing to You an amount of up to RM6,000, at a rate of no more than RM300 per day;
- A2.2 advancing You emergency cash up to a limit of RM2,200 (at a maximum of no more than RM220 per day) to relieve Your immediate financial need; and/or
- A2.3 advancing up to RM10,000 to replace Your travel tickets to help You return to the travel destination nearest to Your Home.

A3. Conditions applicable to Section A2

To be eligible to receive the benefits set out in Section A2 You must have complied with the following conditions:

- A3.1 the Card Loss takes place whilst You are Abroad and You must report the Card Loss to Us within 24 hours of discovering the Card Loss;
- A3.2 in respect of Section A2.1 We are satisfied that You do not have any other way of paying the hotel bill and ask Us to do so at the time of reporting the Card Loss;
- A3.3 in respect of Section A2.2 You request the emergency cash advance at the same time as reporting the Card Loss and We are satisfied that You have no other way of getting credit or funds; and
- A3.4 in respect of Section A2.3 Your travel tickets were lost or stolen at the time of the Card Loss and You request an advance for replacement travel tickets at the time You report Your Card Loss.

In all circumstances where an advance is made,

- (a) You must reimburse Us within twenty-eight (28) days from the date the advance is made;
- (b) You must provide Us with proof of Your need that is satisfactory to Us;
- (c) You give Us the opportunity to assess the circumstances of Your case; and
- (d) You must not have any outstanding advances made by Us other than under the same Card Loss report.

A4. Additional Membership Benefits

In the event of Card Loss and subject to Section A5 below, the Members are entitled to the following additional Membership benefits underwritten by the Insurer provided to You under this Membership:

- A4.1 Provided You have not acted fraudulently, with gross negligence or failed to inform Us or the Issuer as soon as practicable of the Card Loss, We will reimburse You for the amount incurred from any unauthorized use arising from Card Loss which Your Issuer holds You liable to pay, subject to a maximum of RM440 per Card (not more than 10 Cards) and up to a limit of RM4,400 per Membership Year.
- A4.2 up to RM125 per Card, limited to RM250 in the aggregate for any one Membership Year, which You have to pay to a Card Issuer where Your personal identification number ("PIN") in respect of that Card has been used without Your authorisation;
- A4.3 up to RM125 per Card, limited to RM250 in the aggregate for any one Membership Year, which You have to pay to a Card Issuer where Your Card is retained by an automated teller machine ("ATM") and that Card is subsequently used without Your authorisation;
- A4.4 up to RM50 per Card which You have to pay to a Card Issuer for a replacement Card (but not an emergency replacement Card);
- A4.5 subject to the limit set out in Section A4.9 herein, any Communication Costs that You must pay when You report a Card Loss or a loss/theft of Valuable Documents to Us, the police or any other relevant authorities;
- A4.6 subject to the limit set out in Section A4.9 herein, such reasonable charges that You must pay for the issue of replacement Valuable Documents lost or stolen from You at the same time as the Card Loss when You are away from Home;
- A4.7 up to RM40 for any loss suffered by You arising out of the loss/theft of a Stored Value Card which is lost or stolen at the time of the Card Loss;
- A4.8 the cost of replacing Your Personal Belongings which are lost or stolen at the time of the Card Loss while You are away from Home up to RM375 any one Membership Year; and
- A4.9 the benefits in A4.4, A4.5, A4.6 and A4.7 above are limited to RM1,000 in the aggregate for any one Membership Year and the benefits in A4.1 are not payable in the event that a benefit in A4.2 or A4.3 is payable.

A5. Conditions applicable to A4

The Insurer will not pay any amount under A4 unless:

- A5.1 You have reported the Card Loss, loss/ theft of Valuable Documents and/or loss/theft of Personal Belongings to the local police within 24 hours of You becoming aware of that loss;
- A5.2 You have written evidence from the police of making the report referred to in A5.1 above (if this evidence is not available, We and the Insurer must be satisfied that You have reported the matter to the police);
- A5.3 You have provided Us and the Insurer with the original relevant receipts and other supporting documentation for a claim under A4 herein;
- A5.4 You have not acted fraudulently and/or been grossly negligent;
- A5.5 You have informed Us of the Card Loss within 24 hours You became aware of:
 - (a) the Card Loss;
 - (b) someone else becoming aware of Your PIN;
- A5.6 You have followed the safeguards in respect of the security of the PIN and the Card(s) as set out in the Card Issuers terms and conditions, and/or

A5.7 You provide Us and the Insurer with such consent as the Card Issuer may require for the Card Issuer to provide Us and the Insurer with such copies of correspondence relating to the Card Loss and any loss that either You or the Card Issuer have suffered as a result thereof, as We and the Insurer, in Our absolute discretion, see fit.

B: General Provisions

B1. Membership

Provided You are eighteen (18) years old or above and live in Malaysia You may apply for Membership as a Principal Member ('Single Plan') and up to four (4) Supplementary Members who live at the same address as You ('Household Plan').

All applications for and renewals of Membership shall be subject to Our approval. Membership shall be valid for an initial period of one (1) year and may be renewed for such period as We may approve at Our discretion. We reserve the right to decline any application for Membership or not to renew the Membership of any Member without giving any reason.

The Principal Member shall be responsible for the Membership Fee and consent of the Principal Member is required for cancellation of the Membership of any Supplementary Member. By applying for the Membership, the Principal Member has agreed to be liable to Us for all liabilities incurred by yourself and all Supplementary Members arising out of the Membership.

Any misrepresentation of or failure to disclose material facts in any document signed by You, will entitle Us to alter, amend, cancel the Membership or exercise any other right available to Us at law having regard to the true facts. A material fact is any information that could influence Us in Our assessment of Your application for the Membership or Claim.

B2. Term of Membership, Membership Fees, Terms and Conditions

- B2.1 The Membership begins on the Start Date and continues for the period up to the Renewal Date upon full payment of the Membership Fee. We will automatically renew the Membership on the Renewal Date and debit the Pay Card unless You contact Us before that date and ask Us not to.
- B2.2 We reserve the right to revise the Membership Fee but will give You reasonable notice in advance. The revised Membership Fee will be applicable to the term commencing from the Renewal Date.
- B2.3 You must pay the Membership Fee in advance.
- B2.4 We will collect the Membership Fee from the Pay Card.
- B2.5 We reserve the right to modify, vary or add to the Terms and Conditions at any time by giving You reasonable notice in advance.
- B2.6 When You apply Card Protection Premier Membership, We will collect one payment in advance and You agree to enter into two (2) contracts with Us. Under the first contract CPP will make arrangements for the establishment of this Membership and will receive RM88 for Single Plan or RM108 for Household Plan. This contract with You is fulfilled at the end of the cooling-off period for the first Membership Year and upon renewal for subsequent Membership Years. The second contract with You is We will provide You with all the membership privileges under which CPP will receive the amount equivalent to the difference between the Membership Fee and the amount You pay for the first contract. This second contract with You is fulfilled at the end of Your Term of Membership.

B3. Canceling the Membership

- B3.1 We reserve the right to cancel Your Membership automatically without notice if We do not receive the Membership Fee on the date it is due. However, We may reinstate Your Membership if You then pay it and We may issue a new Membership for You which will take effect from the date of payment.
- B3.2 We shall have the right to cancel Your Membership automatically without notice if You at any time fails to meet the Terms and Conditions or fails to act honestly and in good faith towards Us.

B3.3 If We are issuing the Membership to You for the first time, We will give You a 14 days cooling-off period from the Start Date. If within these 14 days You tell Us that You do not need the Membership, We will cancel it and refund in full the Membership Fee You have paid so long as no claim has been made. Please note You are assumed to have received the Membership within 3 days after We despatch it. The cooling-off period will not apply to renewals of Your Membership with Us.

B3.4 Upon cancellation of the Membership, You will not be eligible for the membership privileges. There will be no refund of the Membership Fee if there are Claims or outstanding advances under the Membership.

B3.5 We will send You a Renewal Notice approximately one (1) month prior to the Renewal Date, wherein You will be allowed to exercise the option of not renewing the Membership.

B4. Conditions for Provision of Membership Privileges

Our provision of the membership privileges to You depends on You meeting the following conditions:

B4.1 You must comply with the Terms and Conditions (as may be amended by Us from time to time) at all times during the Term of Membership;

B4.2 You must provide Us with full and accurate information in connection with the Membership;

B4.3 You must report the Card Loss to Us within 24 hours of discovering the Card Loss; and

B4.4 You must do all that is reasonably possible to avoid losing the Cards and, in case of a Card Loss, to keep the losses as low as possible.

B5. Exclusions

B5.1 Every effort will be made to provide You with the emergency funds in accordance with the Terms and Conditions. However, there may be times when it is not possible to arrange for the transfer of funds to some countries or remote geographical locations due to events or conditions that are out of Our control, for which We shall not be held liable.

B5.2 We shall not be held liable for losses suffered as a result of any act of God, natural disaster, civil war, terrorist act or any other similar occurrence. Where such instances affect Our ability to perform Our obligations to You under the Terms and Conditions, the membership privileges that We may provide may be limited or restricted.

B6. Making a Claim

B6.1 If You need to report a Card Loss or make a Claim, please call Us any time on +603 2168 5678 to do so and We will then send You a Claim Form to fill in and return to Us. All Claims must be received within sixty (60) days from the date of Card Loss. Please remember to include all the documents that We and the Insurer ask for in the Claim Form, including original receipts (not photocopies) for any relevant expenses. If You fail to do so, the Insurer will not be able to process the Claim.

B6.2 You must follow the Issuer's instructions and meet all their Terms and Conditions when holding and using the Cards. We and the Insurer will not entertain any Claim where the Issuer tells Us or the Insurer that You have not done this. The decision of the Issuer in these circumstances will be final.

B6.3 If You are unhappy with a decision the Insurer has made in relation to the Claim, You have the right to appeal. If You would like to appeal, please write to:

The Customer Service Team, Card Protection Plan Limited, PO Box 10012, 50700 Kuala Lumpur, Malaysia.

The decision of the Insurer is final and binding on the Members.

B7. Dishonest Claims

If You make a Claim which is in any way dishonest, We shall be entitled to refuse to provide any or all of the membership privileges. If the Insurer has paid any money to You pursuant to the Claim but later discover that the Claim is dishonest, You shall promptly return to the Insurer any money received by You pursuant to the Claim. The Insurer and Us reserve Our legal rights in respect of such Claim including but not limited to termination of Your Membership without notice.

B8. Recording Calls

We record all phone calls. We do this to:

- (a) provide a record of the instructions We have received from You;
- (b) allow Us to monitor Our standards of quality;
- (c) help Us with staff training; and
- (d) meet any legal and regulatory requirements binding on Us.

C: General Matters

C1. Personal Information Collection Statement

C1.1 As part of Our relationship You will supply Us with data about yourself and/or any other relevant individuals (including the Supplementary Members) and information obtained from phone call recordings ("**Personal Data**") in connection with the effective provision of the Membership Privileges to You, processing Reports of Loss and/or the processing of any enquiries or complaints from You.

C1.2 Whilst the provision of Personal Data to Us by You is voluntary, failure to do so may render Us unable to process Your application and effectively administer Your Membership.

The purpose for which the Personal Data may be used are as follows:

C1.3

- (i) processing Your applications for the Membership and for renewals;
- (ii) administering matters in relation to the Membership and claims;
- (iii) providing membership privileges to the Members and arranging for the same to be provided by Our group of companies and affiliated companies and third parties selected by Us;
- (iv) designing membership privileges for Members;
- (v) marketing membership privileges and/or other products and services offered by Us or other companies selected by Us which may be of interests to You;
- (vi) collecting Membership Fees and/or any other amounts owed by You;
- (vii) processing (including, but not limited to, investigating and analysing) any Card Loss report from You;
- (viii) conducting matching procedures;
- (ix) communicating with You via telephone, mail, e-mail, facsimile and/or any other communication means;
- (x) complying with any requirements to make disclosures under any laws and regulations and other regulatory requirements binding on Us or any of Our group of companies and affiliated companies; and
- (xi) all other purposes relating thereto.

C1.4 The Personal Data held by Us shall be kept confidential, but in becoming a Member You consent to Us that We may provide the Personal Data to any of the following parties (whether within or outside Malaysia) for the purposes set out in this section without prior notification to You and/or any other relevant individuals to whom the Personal Data is related:

- (i) the Insurer who provides the Additional Membership Benefits under Section A4 of these Terms and Conditions;
- (ii) agents, contractors, business partners, and third party service providers who provide administrative, telecommunications, computer, payment, marketing, and/or other services to Us in connection with the operation of Our business;
- (iii) Our overseas offices, Our group of companies and affiliated companies, and third parties selected by Us;
- (iv) persons to whom We and/or Our group of companies and affiliated companies are under an obligation to make disclosure as required by any laws and regulations, and other relevant regulatory requirements that are binding on Us and/or any of Our group of companies and affiliated companies;

- (v) in the event of default , debt collection agencies; and
- (vi) in providing the membership benefits and other services to You, We may share Your data with other organisations outside of Our group of companies both in Malaysia and elsewhere. We will only do this if We feel that it is beneficial for You and in becoming a Member You consent to Us sharing Your data in such a manner.

C1.5 In accordance with the **Personal Information Collection Statement** and subject only to You paying Us a reasonable fee for making such a request, You have the right to:

- (i) check whether We hold data about You and, if so, obtain a copy of such data;
- (ii) require Us to correct any data relating to You that is inaccurate; and
- (iii) ascertain Our policies and practices in relation to data and to be informed of the kind of data held by Us.
- (iv) request that we limit the manner in which we process your Personal Data.

Please address any such request to The Compliance Manager, Card Protection Plan Limited, PO Box 10012, 50700 Kuala Lumpur, Malaysia.

C2. Waiving Terms and Conditions

Our forbearance, delay or failure to exercise any power or right under the Terms and Conditions does not waive that power or right. A single or partial exercise of a power or right does not prevent a further exercise of that or any other power or right.

C3. Language

The Terms and Conditions are written both in English and Malay and in the event of conflict, the English version shall prevail.

C4. Governing Law

These Terms and Conditions shall be governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia. Both You and We agree to submit to the exclusive jurisdiction of the courts of Malaysia.



Perlindungan Keahlian Kad Premier Terma dan Syarat

Notis Penting

Terma dan Syarat Keahlian Perlindungan Kad Premier ("Terma dan Syarat") adalah sebuah dokumen yang penting. Sila baca keseluruhan Terma dan Syarat dengan teliti untuk memastikan bahawa Anda memahami dan bersetuju dengannya sepenuhnya.

Anda mesti memaklumkan Kami sepenuhnya dan secara jujur fakta-fakta yang Anda ketahui atau patut ketahui, jika tidak Anda mungkin tidak akan menerima apa-apa manfaat daripada Keahlian Anda. Keahlian ini tidak boleh dipindah milik.

Terma dan Syarat ini (termasuklah pindaannya) dan mana-mana Pengendorsan di atasnya bersama dengan apa-apa permohonan akan dianggap sebagai satu dokumen dan apa-apa perkataan atau ungkapan yang telah diberi maksud tertentu padanya maka akan membawa maksud yang sama dalam seluruh dokumen.

Definisi Perkataan

Maksud spesifik bagi terma ditakrif yang digunakan dalam keseluruhan Terma dan Syarat. Perkataan tertentu telah ditakrifkan di bawah. Perkataan-perkataan ini membawa maksud yang sama di mana jua ianya digunakan dalam Terma dan Syarat.

Ahli - bermaksud Ahli Utama dan Ahli Tambahan

Anda, Milik Anda - bermaksud Ahli

Ahli Tambahan - bermaksud orang yang telah dinamakan sebagai Ahli oleh Ahli Utama selaras dengan Terma dan Syarat

Ahli Utama - bermaksud orang yang bertanggungjawab untuk Keahlian ini

Barangan Peribadi - bermaksud beg tangan, dompet, tas tangan atau beg bimbit kepunyaan Ahli di mana beliau menyimpan Kad-Kad pada waktu Kehilangan Kad

CPP - bermaksud Card Protection Plan Limited (Didaftarkan di England No. 1490503) yang mempunyai pejabat berdaftar di Holgate Park, York YO26 4GA, United Kingdom berniaga di Malaysia sebagai Card Protection Plan Limited dengan pejabat berdaftar di alamat 3-2, 3rd Mile Square, No. 151 Jalan Kelang Lama, Batu 3½, 58100, Kuala Lumpur (Didaftarkan di Malaysia No: 995015 K)

Dokumen Berharga - bermaksud pasport, lesen memandu, kad pengenalan Anda atau apa-apa kad lain kepunyaan Ahli yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa Kerajaan Malaysia

Jangka Waktu Keahlian - bermaksud tempoh Keahlian bermula pada Tarikh Mula dan tamat pada pembatalan Keahlian menurut Seksyen B3 yang terkandung di sini

Kad - bermaksud kad ATM, kad kredit, kad caj dan kad debit kepunyaan Anda kecuali Kad Simpanan Nilai (ditakrifkan di bawah) yang didaftarkan dengan CPP sebelum atau pada masa Anda melaporkan sesuatu Kehilangan Kad

Kad Bayaran - bermaksud Kad yang telah ditetapkan oleh Ahli Utama dan Kami akan memungut Yuran Keahlian daripadanya

Kad Simpanan Nilai - bermaksud mana-mana kad yang menyimpan kredit tunai dan didebitkan secara automatik menggunakan pembaca kad tanpa sentuhan

Keahlian - bermaksud Keahlian untuk Perlindungan Kad Premier

Kehilangan Kad - bermaksud sebarang kehilangan Kad oleh Anda atau kecurian Kad daripada Anda dalam Jangka Waktu Keahlian

Kita, Kami - bermaksud CPP

Kos Komunikasi - bermaksud kos untuk panggilan telefon, faks atau surat- menyurat

Luar Negeri - bermaksud mana mana negara atau wilayah selain Malaysia

Pengeluar - bermaksud pengeluar sesuatu Kad

Syarikat Insurans - bermaksud MPI Generali Insurans Berhad (sebelum ini dikenali sebagai Multi-Purpose Insurans Bhd) (No. Syarikat 14730-X), sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dengan pejabat berdaftar di 8th Floor, Menara Multi-Purpose Capital Square, 8, Jalan Munshi Abdullah, 50100 Kuala Lumpur

Tahun Keahlian - bermaksud tempoh berterusan selama 12 bulan yang bermula pada Tarikh Mula atau mana-mana Tarikh Pembaharuan tetapi tidak merangkumi sebarang tempoh selepas pembatalan Keahlian selaras dengan Seksyen B3 yang terkandung di sini

Tarikh Pembaharuan - bermaksud ulang tahun setahun dari Tarikh Mula

Tarikh Mula - bermaksud tarikh di mana Keahlian bermula

Tempat Kediaman - bermaksud tempat Anda tinggal di Malaysia, alamat yang telah Anda daftarkan dengan Kami sebelum membuat sebarang permintaan

Terma dan Syarat - bermaksud terma dan syarat yang berkuat kuasa ke atas Keahlian yang disebut di sini, yang mungkin dipinda dari masa ke semasa

Tuntutan - bermaksud permintaan untuk sebarang keistimewaan keahlian yang dibuat oleh Ahli di bawah Keahlian ini apabila Kehilangan Kad

Yuran Keahlian - bermaksud jumlah wang yang perlu dibayar oleh Ahli Utama kepada CPP untuk Keahlian

A: Keistimewaan Keahlian

Tertakluk pada Terma dan Syarat, Kami akan menyediakan keistimewaan keahlian berikut untuk Anda:

A1. Perkhidmatan dan bantuan yang Kami akan sediakan jika Anda Kehilangan Kad dan Dokumen Berharga Anda:

- A1.1 apabila Anda melaporkan Kehilangan Kad kepada Kami, Kami akan menghubungi Pengeluar dan meminta mereka untuk membatalkan Kad tersebut;
- A1.2 jika mana-mana kad kredit dan/atau Dokumen Berharga Anda yang bersama dengan Anda telah hilang atau kecurian semasa Anda berjauhan dari Tempat Kediaman, Kami akan membantu Anda dengan mengaturkan Kad gantian kecemasan; *dan*
- A1.3 apabila Anda membekalkan Kami dengan maklumat yang diperlukan, Kami akan mengemaskinikan butir-butir Anda untuk memastikan bahawa Kehilangan Kad dilaporkan kepada Pengeluar yang betul.

Sila ambil perhatian bahawa dalam keadaan tertentu yang dinyatakan dengan lebih penuh dalam terma dan syarat Pengeluar, Pengeluar boleh meminta pelbagai dokumen dikemukakan sebelum Kad boleh dibatalkan. Dalam keadaan tersebut, Kami akan meminta Pengeluar untuk menggantungkan Kad daripada penggunaan sementara menanti penerimaan dokumen yang diminta oleh Pengeluar daripada Anda. Jika dokumen yang diminta tidak dikemukakan, Kami berhak meminta balik daripada Anda sebarang manfaat yang telah Anda terima di bawah terma dan syarat ini.

A2. Bantuan jika Anda mengalami Kehilangan Kad semasa membuat perjalanan ke Luar Negeri

Bergantung kepada keperluan Anda dan tertakluk kepada peruntukan-peruntukan dalam Seksyen A.3 di bawah Kami akan membantu Anda jika Anda mengalami Kehilangan Kad semasa di Luar Negeri dengan:

- A2.1 membayar bil hotel Anda terus kepada hotel dengan memberi Anda wang pendahuluan berjumlah sehingga RM6,000 pada kadar yang tidak melebihi RM300 sehari;
- A2.2 memberi Anda wang pendahuluan kecemasan sehingga had berjumlah RM2,200 (nilai maksimum yang tidak melebihi RM220 sehari) untuk melegakan keperluan kecemasan kewangan segera Anda; *dan/atau*
- A2.3 memberi wang pendahuluan sehingga jumlah RM10,000 untuk menggantikan tiket perjalanan Anda supaya dapat membantu Anda pulang ke destinasi perjalanan yang paling dekat dengan Tempat Kediaman Anda.

A3. Syarat-syarat yang dikenakan pada Seksyen A2

Untuk layak menerima manfaat yang dinyatakan di Seksyen A2, Anda mestilah telah mematuhi syarat-syarat berikut:

- A3.1 Kehilangan Kad berlaku semasa Anda berada di Luar Negeri dan Anda mestilah melaporkan Kehilangan Kad kepada Kami dalam masa 24 jam dari masa menyedari Kehilangan Kad itu;

- A3.2 berhubung dengan Seksyen A2.1, Kami berpuas hati bahawa Anda tidak mempunyai sebarang cara lain untuk membayar bil hotel dan meminta Kami untuk berbuat sedemikian pada masa melaporkan Kehilangan Kad;
- A3.3 berhubung dengan Seksyen A2.2, Anda meminta pendahuluan wang tunai kecemasan pada waktu yang sama ketika melaporkan Kehilangan Kad dan Kami berpuas hati bahawa Anda tiada cara lain untuk mendapatkan dana atau kredit; dan
- A3.4 berhubung dengan Seksyen A2.3, tiket perjalanan Anda telah hilang atau dicuri sewaktu Kehilangan Kad dan Anda meminta wang pendahuluan untuk menggantikan tiket perjalanan pada waktu Anda melaporkan Kehilangan Kad Anda.

Dalam semua keadaan apabila wang pendahuluan telah diberi,

- (a) Anda mesti membayar Kami balik dalam tempoh dua puluh lapan (28) hari dari tarikh wang pendahuluan diberi;
- (b) Anda mesti membekalkan kepada Kami bukti keperluan Anda yang memuaskan hati Kami;
- (c) Anda memberi Kami peluang untuk menilai keadaan kes Anda; dan
- (d) Anda mestilah tidak mempunyai apa-apa wang pendahuluan daripada Kami yang belum diselesaikan selain yang terdapat dalam laporan Kehilangan Kad yang sama.

A4. Manfaat Keahlian Tambahan

Dalam kejadian Kehilangan Kad dan tertakluk pada Seksyen A5 di bawah, Ahli berhak menerima manfaat Keahlian tambahan berikut yang ditaja jamin oleh Syarikat Insurans dan diberi kepada Anda di bawah Keahlian ini:

- A4.1 Dengan syarat anda tidak melakukan sebarang penipuan, dengan kecuaiian atau gagal untuk memaklumkan segera kepada Kami atau Pengeluar kad mengenai kehilangan kad, Kami akan membayar balik jumlah perbelanjaan dari sebarang penggunaan yang timbul daripada kehilangan kad yang Pengeluar kad anda memerlukan anda bertanggungjawab untuk bayar, tertakluk kepada maksimum RM440 setiap kad (tidak lebih daripada 10 kad) dan sehingga had sebanyak RM4,400 setiap tahun keahlian.
- A4.2 sehingga RM125 bagi setiap Kad, terhad kepada RM250 dalam agregat bagi mana-mana satu Tahun Keahlian, yang perlu Anda bayar kepada Pengeluar Kad, di mana nombor pengenalan peribadi ("PIN" - *Personal Identification Number*) Anda untuk Kad tersebut telah digunakan tanpa izin Anda;
- A4.3 sehingga RM125 bagi setiap Kad, terhad kepada RM250 dalam agregat bagi mana-mana satu Tahun Keahlian, yang perlu Anda bayar kepada Pengeluar Kad, di mana Kad Anda telah ditahan oleh mesin teler automatik ("*ATM*" - *Automated Teller Machine*) dan Kad tersebut seterusnya telah digunakan tanpa izin Anda;
- A4.4 sehingga RM50 bagi setiap Kad yang perlu Anda bayar kepada Pengeluar Kad untuk Kad gantian (tetapi bukan Kad gantian kecemasan);
- A4.5 tertakluk pada had yang dinyatakan dalam Seksyen A4.9 dalam dokumen ini, sebarang Kos Komunikasi yang perlu Anda bayar apabila Anda melaporkan Kehilangan Kad atau kehilangan/kecurian Dokumen Berharga kepada Kami, polis atau mana-mana badan berkuasa lain yang berkenaan;
- A4.6 tertakluk pada had yang dinyatakan dalam Seksyen A4.9 dalam dokumen ini, di mana Anda dikehendaki membayar caj berpatutan untuk pengeluaran gantian bagi Dokumen Berharga yang telah hilang atau dicuri daripada Anda pada masa yang sama dengan Kehilangan Kad Anda sewaktu Anda berada di luar kawasan Tempat Kediaman;
- A4.7 sehingga RM40, untuk sebarang kerugian yang Anda alami yang timbul akibat kehilangan/kecurian Kad Simpanan Nilai yang hilang atau dicuri semasa Kehilangan Kad;
- A4.8 kos untuk menggantikan Barang Peribadi Anda yang hilang atau dicuri pada masa Kehilangan Kad sewaktu berada di luar kawasan Tempat Kediaman sehingga RM375 untuk mana-mana satu Tahun Keahlian; dan
- A4.9 manfaat-manfaat yang terkandung dalam Seksyen A4.4, A4.5, A4.6, dan A4.7 di atas adalah terhad kepada RM1,000 dalam agregat untuk mana-mana satu Tahun Keahlian dan manfaat

dalam A4.1 tidak akan dibayar dalam keadaan di mana manfaat dalam A4.2 atau A4.3 perlu dibayar.

A5. Syarat-syarat yang dikenakan pada A4

Syarikat Insurans tidak akan membayar sebarang jumlah di bawah A4, kecuali:

- A5.1 Anda telah melaporkan Kehilangan Kad, kehilangan/kecurian Dokumen Berharga dan/atau kehilangan/kecurian Barang Peribadi kepada pihak polis tempatan dalam masa 24 jam Anda menyedari kehilangan itu;
- A5.2 Anda mempunyai bukti bertulis daripada pihak polis menunjukkan laporan yang dirujuk dalam A5.1 di atas (jika tiada bukti ini, Kami dan Syarikat Insurans perlu berpuas hati bahawa Anda telah melaporkan perkara tersebut kepada polis);
- A5.3 Anda telah membekalkan kepada Kami dan Syarikat Insurans resit-resit asal yang berkenaan dan dokumen sokongan yang lain untuk tuntutan di bawah A4 yang terkandung di sini;
- A5.4 Anda tidak bertindak dengan penipuan dan/atau secara cuai yang melampau;
- A5.5 Anda telah memaklumkan Kami mengenai Kehilangan Kad dalam masa 24 jam Anda menyedari tentang:
 - (a) kehilangan Kad;
 - (b) orang lain mengetahui PIN Anda;
- A5.6 Anda telah mengikuti langkah-langkah perlindungan mengenai keselamatan PIN dan Kad seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat Pengeluar Kad; dan/atau
- A5.7 Anda memberi Kami dan Syarikat Insurans persetujuan seperti yang dikehendaki oleh Pengeluar Kad supaya Pengeluar Kad dapat memberi Kami dan Syarikat Insurans salinan surat-menyurat mengenai Kehilangan Kad dan sebarang kerugian yang telah Anda atau Pengeluar Kad alami akibat daripadanya, seperti yang Kami dan Syarikat Insurans, atas budi bicara mutlak yang Kami anggap patut.

B: Peruntukan Am

B1. Keahlian

Dengan syarat Anda berumur lapan belas (18) tahun ke atas dan menetap di Malaysia, Anda boleh memohon Keahlian sebagai Ahli Utama ('Pelan Tunggal') dan sehingga empat (4) orang Ahli Tambahan yang menetap di alamat yang sama dengan Anda ('Pelan Isi Rumah').

Semua permohonan baru dan pembaharuan Keahlian tertakluk pada kebenaran Kami. Keahlian adalah sah untuk tempoh permulaan satu (1) tahun dan boleh diperbaharui untuk tempoh yang Kami benarkan atas budi bicara Kami. Kami berhak menolak sebarang permohonan baru Keahlian atau tidak membaharui Keahlian mana-mana Ahli tanpa memberikan sebarang alasan.

Ahli Utama bertanggungjawab untuk membayar Yuran Keahlian dan persetujuan Ahli Utama diperlukan untuk pembatalan Keahlian bagi mana-mana Ahli Tambahan. Dengan memohon Keahlian, Ahli Utama bersetuju untuk bertanggungjawab kepada Kami bagi sebarang liabiliti yang ditanggung oleh Anda dan semua Ahli Tambahan yang timbul daripada Keahlian.

Sebarang representasi palsu atau kegagalan untuk memaklumkan fakta-fakta penting dalam mana-mana dokumen yang Anda tandatangani akan memberi Kami hak untuk menukar, meminda, membatalkan Keahlian atau melaksanakan sebarang hak lain yang ada kepada Kami mengikut undang-undang berkenaan dengan fakta sebenar. Fakta penting adalah sebarang maklumat penting yang mungkin memberi kesan kepada penilaian Kami ke atas permohonan Anda untuk Keahlian atau Tuntutan.

B2. Jangka Waktu Keahlian, Yuran Keahlian, Terma dan Syarat

- B2.1 Keahlian bermula pada Tarikh Mula dan berterusan untuk tempoh sehingga Tarikh Pembaharuan apabila bayaran penuh yuran Keahlian dibuat. Kami akan membaharui Keahlian pada Tarikh Pembaharuan secara automatik dan akan mendebitkan Kad Bayaran kecuali Anda menghubungi Kami sebelum tarikh tersebut dan meminta Kami untuk tidak berbuat sedemikian.

- B2.2 Kami berhak mengubah Yuran Keahlian tetapi akan memberi Anda notis yang munasabah terlebih dahulu. Yuran Keahlian yang telah diubah akan diguna pakai untuk jangka waktu bermula dari Tarikh Pembaharuan.
- B2.3 Anda mesti membayar Yuran Keahlian terlebih dahulu.
- B2.4 Kami akan memungut Yuran Keahlian daripada Kad Bayaran.
- B2.5 Kami berhak mengubahsuai, mengubah atau menambah Terma dan Syarat pada bila-bila masa dengan memberi Anda notis yang munasabah terlebih dahulu.
- B2.6 Apabila Anda memohon Keahlian Perlindungan Kad Premier, Kami akan memungut satu bayaran terlebih dahulu dan Anda bersetuju untuk memasuki dua (2) perjanjian dengan Kami. Di bawah perjanjian yang pertama, CPP akan membuat aturan untuk mewujudkan Keahlian ini dan akan menerima RM88 untuk Pelan Tunggal atau RM108 untuk Pelan Isi Rumah. Perjanjian dengan Anda ini dipenuhi pada penghujung tempoh bertenang bagi Tahun Keahlian pertama dan setelah pembaharuan untuk Tahun Keahlian berikutnya. Perjanjian kedua dengan Anda adalah Kami akan memberi Anda semua keistimewaan keahlian yang di bawahnya CPP akan menerima jumlah yang setara dengan perbezaan antara Yuran Keahlian dan jumlah yang Anda bayar untuk perjanjian pertama. Perjanjian kedua dengan Anda ini dipenuhi pada penghujung Jangka Waktu Keahlian Anda.

B3. Pembatalan Keahlian

- B3.1 Kami berhak membatalkan Keahlian Anda secara automatik tanpa notis sekiranya Kami tidak menerima Yuran Keahlian pada tarikh ia perlu dibayar. Namun, Kami boleh mengembalikan semula Keahlian Anda kepada asal sekiranya Anda membuat bayaran kemudiannya dan Kami boleh mengeluarkan Keahlian baru untuk Anda yang akan berkuat kuasa dari tarikh pembayaran.
- B3.2 Kami berhak membatalkan Keahlian Anda secara automatik dan tanpa notis jika Anda pada bila-bila masa gagal untuk mematuhi Terma dan Syarat atau gagal untuk bertindak dengan jujur dan dengan niat baik terhadap Kami.
- B3.3 Jika Kami memberikan keahlian kepada Anda untuk kali pertama, Kami akan memberi Anda tempoh bertenang 14 hari dari Tarikh Mula. Jika dalam tempoh 14 hari tersebut Anda memaklumkan Kami bahawa Anda tidak memerlukan Keahlian, Kami akan membatalkannya dan keseluruhan Yuran Keahlian yang telah Anda bayar akan dikembalikan selagi tiada tuntutan telah dibuat. Sila ambil perhatian bahawa Anda dianggap telah menerima Keahlian dalam 3 hari selepas Kami menghantarnya. Tempoh bertenang tidak dikenakan bagi pembaharuan Keahlian Anda dengan Kami.
- B3.4 Apabila Keahlian dibatalkan, Anda tidak akan layak untuk menikmati keistimewaan keahlian. Yuran Keahlian tidak akan dipulangkan jika terdapat Tuntutan atau wang pendahuluan tertunggak di bawah Keahlian.
- B3.5 Kami akan menghantar Notis Pembaharuan kepada Anda lebih kurang satu (1) bulan sebelum Tarikh Pembaharuan di mana Anda boleh memilih untuk tidak membaharui Keahlian.

B4. Syarat untuk Peruntukan Keistimewaan Keahlian

Peruntukan keistimewaan keahlian Kami untuk Anda bergantung pada sama ada Anda memenuhi syarat-syarat berikut.

- B4.1 Anda perlu mematuhi Terma dan Syarat (seperti yang mungkin Kami pinda dari masa ke masa) sepanjang tempoh Jangka Waktu Keahlian;
- B4.2 Anda perlu memberi Kami maklumat yang penuh dan tepat berkaitan Keahlian;
- B4.3 Anda perlu melaporkan Kehilangan Kad kepada Kami dalam masa 24 jam dari menyedari Kehilangan Kad tersebut; dan
- B4.4 Anda perlu melakukan segala yang munasabah dilakukan untuk mengelakkan Kehilangan Kad dan jika berlaku Kehilangan Kad, untuk mengekalkan kerugian pada tahap yang terendah.

B5. Pengecualian

- B5.1 Semua usaha akan dilakukan untuk memberi Anda dana kecemasan selaras dengan Terma dan Syarat. Namun, mungkin terdapat situasi apabila perpindahan dana ke sesetengah negara atau lokasi geografi yang terpencil menjadi tidak mungkin dapat diatur akibat peristiwa atau keadaan yang di luar kawalan Kami, maka Kami tidak akan bertanggungjawab ke atasnya.
- B5.2 Kami tidak akan bertanggungjawab untuk kerugian yang disebabkan kejadian di luar kawalan manusia, bencana alam, perang saudara, tindakan penganan atau sebarang kejadian seumpamanya. Di mana kejadian seperti yang disebut menjejaskan keupayaan Kami untuk melaksanakan kewajipan Kami kepada Anda di bawah Terma dan Syarat, keistimewaan keahlian yang Kami sediakan mungkin akan terhad dan terbatas.

B6. Membuat Tuntutan

- B6.1 Jika Anda perlu melaporkan Kehilangan Kad atau membuat Tuntutan, Anda boleh berbuat demikian dengan menghubungi Kami pada bila-bila masa di nombor +603 2168 5678 dan Kami akan menghantar Borang Tuntutan kepada Anda untuk diisi dan dipulangkan kepada Kami. Semua Tuntutan mesti diterima dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh Kehilangan Kad. Jangan lupa untuk menyertakan semua dokumen yang Kami dan Syarikat Insurans minta dalam Borang Tuntutan termasuk resit asal (bukan salinan fotokopi) bagi sebarang perbelanjaan yang berkaitan. Jika Anda gagal berbuat demikian, Syarikat Insurans tidak akan dapat memproses Tuntutan tersebut.

- B6.2 Anda perlu mematuhi arahan Pengeluar dan memenuhi semua terma dan syarat mereka semasa memegang dan menggunakan Kad. Kami dan Syarikat Insurans tidak akan melayan sebarang Tuntutan sekiranya Pengeluar memaklumkan Kami atau Syarikat Insurans bahawa Anda gagal melakukan sedemikian. Keputusan Pengeluar dalam keadaan tersebut adalah muktamad.

- B6.3 Jika Anda tidak berpuas hati dengan keputusan yang telah dibuat oleh Syarikat Insurans berkenaan Tuntutan, Anda berhak membuat rayuan. Jika Anda ingin membuat rayuan, Anda boleh menulis surat kepada:

Pasukan Perkhidmatan Pelanggan, Card Protection Plan Limited, Peti Surat 10012, 50700 Kuala Lumpur, Malaysia.

Keputusan Syarikat Insurans adalah muktamad dan mengikat terhadap Ahli.

B7. Tuntutan yang Tidak Jujur

Jika Anda membuat Tuntutan yang tidak jujur dalam apa cara sekalipun pun, Kami berhak menolak untuk memberikan sebarang atau semua keistimewaan keahlian. Jika Syarikat Insurans telah membuat bayaran kepada Anda berikutan Tuntutan tersebut tetapi kemudiannya mendapati Tuntutan tersebut adalah tidak jujur, Anda dikehendaki dengan segera memulangkan kepada Syarikat Insurans sebarang wang yang telah Anda terima berikutan Tuntutan tersebut. Syarikat Insurans dan Kami melindungi hak Kami di sisi undang-undang berkenaan dengan Tuntutan sedemikian termasuk tetapi tidak terhad kepada penamatan Keahlian Anda tanpa notis.

B8. Merakam Panggilan

Kami merakam semua panggilan telefon. Tujuan Kami adalah untuk:

- mengadakan satu rekod arahan yang Kami terima daripada Anda;
- membolehkan Kami mengawasi tahap kualiti Kami;
- membantu Kami melatih staf; dan
- memenuhi apa-apa keperluan undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa ke atas Kami.

C: Perkara-Perkara Am

C1. Penyata Pengumpulan Maklumat Peribadi

- C1.1 Sebagai sebahagian daripada hubungan Kami dengan Anda, Anda mesti membekalkan Kami data mengenai Anda dan/atau mana-mana individu yang berkaitan (termasuk Ahli Tambahan) dan maklumat yang diambil melalui rakaman panggilan telefon ("**Data Peribadi**") berhubung dengan peruntukan manfaat keahlian dengan berkesan kepada Anda, pemprosesan Laporan Kehilangan dan/atau pemprosesan sebarang pertanyaan atau aduan daripada Anda.

- C1.2 Meskipun pembekalan Maklumat Peribadi kepada Kami daripada Anda adalah secara sukarela, kegagalan Anda berbuat sedemikian akan mengakibatkan Kami tidak dapat memproses permohonan Anda dan mentadbir Keahlian Anda secara efektif.
- C1.3 Maklumat Peribadi mungkin akan digunakan untuk tujuan berikut:
- (i) memproses permohonan dan pembaharuan Keahlian Anda;
 - (ii) mentadbir perkara-perkara berkaitan Keahlian dan tuntutan;
 - (iii) memberikan keistimewaan keahlian kepada Ahli dan mengaturkan pembekalan keistimewaan keahlian oleh syarikat kumpulan dan syarikat sekutu Kami dan pihak-pihak ketiga yang Kami pilih;
 - (iv) merangka keistimewaan keahlian untuk Ahli;
 - (v) memasarkan keistimewaan keahlian dan/atau produk dan perkhidmatan lain yang ditawarkan oleh Kami atau syarikat-syarikat lain yang Kami pilih yang mungkin memberi faedah kepada Anda;
 - (vi) memungut Yuran Keahlian dan/atau jumlah lain yang terhutang oleh Anda;
 - (vii) memproses (termasuk tetapi tidak terhad kepada menyiasat dan menganalisis) sebarang laporan Kehilangan Kad daripada Anda;
 - (viii) menjalankan prosedur pepadanan;
 - (ix) berhubung dengan Anda melalui telefon, surat-menyurat, e-mel, faksimile dan/atau apa-apa cara komunikasi yang lain;
 - (x) mematuhi sebarang keperluan untuk membuat pendedahan di bawah undang-undang dan peraturan dan keperluan pengawalaturan lain yang berkuat kuasa ke atas Kami dan mana-mana syarikat kumpulan dan syarikat sekutu Kami; dan semua
 - (xi) tujuan lain yang berkaitan.
- C1.4 Data Peribadi yang Kami pegang akan dikekalkan sebagai sulit. Namun, dengan menjadi Ahli, Anda memberi kebenaran kepada Kami untuk membekalkan Data Peribadi tersebut kepada mana-mana pihak yang dinyatakan di bawah (sama ada di dalam atau di luar Malaysia) untuk tujuan-tujuan yang dinyatakan dalam seksyen di atas tanpa memaklumkan Anda terlebih dahulu dan/atau mana-mana individu yang berkaitan dengan Data Peribadi tersebut:
- (i) Syarikat Insurans yang memberikan Manfaat Keahlian Tambahan di bawah Seksyen A4 dalam Terma dan Syarat ini;
 - (ii) ejen, kontraktor, rakan kongsi dan pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang membekalkan perkhidmatan pentadbiran, telekomunikasi, komputer, pembayaran, pemasaran dan/atau perkhidmatan lain kepada Kami berhubung dengan operasi perniagaan Kami;
 - (iii) pejabat luar negeri, syarikat kumpulan dan syarikat sekutu Kami dan pihak ketiga yang Kami pilih;
 - (iv) orang-orang yang Kami dan/atau syarikat kumpulan dan syarikat sekutu Kami mempunyai kewajiban untuk membuat pendedahan di bawah undang-undang dan peraturan serta keperluan pengawalaturan lain yang berkaitan yang berkuat kuasa ke atas Kami dan mana-mana syarikat kumpulan dan syarikat sekutu Kami;
 - (v) kepada agensi memungut hutang jika berlaku kemungkiran dalam pembayaran; dan
 - (vi) dalam memberikan manfaat keahlian dan perkhidmatan lain kepada Anda, Kami mungkin berkongsi data Anda dengan organisasi lain di luar kumpulan syarikat Kami sama ada di Malaysia atau di tempat-tempat lain. Kami hanya akan melakukan sedemikian jika Kami merasakan ia akan memberi faedah kepada Anda dan apabila menjadi Ahli, Anda memberikan kebenaran kepada Kami untuk berkongsi data Anda dengan cara tersebut.
- C1.5 Selaras dengan **Penyata Pengumpulan Maklumat Peribadi** dan tertakluk pada bayaran yuran berpatutan yang Anda buat kepada Kami untuk permintaan Anda, Anda berhak untuk:
- (i) menyemak sama ada Kami memegang data tentang Anda dan jika ada, mendapatkan satu salinan data tersebut;
 - (ii) meminta Kami meminda sebarang data berkenaan Anda yang tidak tepat; dan
 - (iii) mendapatkan kepastian tentang dasar dan amalan Kami berkaitan dengan data dan dimaklumkan tentang jenis data yang Kami pegang.
 - (iv) meminta untuk menghadkan caralaku kami memproseskan Data Peribadi anda.

Sila alamatkan sebarang permintaan sedemikian kepada Pengurus Pematuhan, Card Protection Plan Limited, Peti Surat 10012, 50700 Kuala Lumpur, Malaysia.

C2. Mengeneipkan Terma dan Syarat

Kesabaran, kelewatan atau kegagalan Kami untuk melaksanakan sebarang kuasa atau hak di bawah Terma dan Syarat tidak akan mengenenpikan kuasa atau hak tersebut. Pelaksanaan satu atau sebahagian kuasa atau hak tidak menghalang pelaksanaan kuasa atau hak tersebut atau kuasa atau hak lain.

C3. Bahasa

Terma dan Syarat ditulis dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia dan jika terdapat percanggahan, versi Bahasa Inggeris akan diberi keutamaan dan diguna pakai.

C4. Undang-undang yang Menguasai

Terma dan Syarat ini akan tertakluk kepada dan ditafsirkan berdasarkan Undang-undang Malaysia. Anda dan Kami bersetuju untuk tertakluk di bawah bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.